

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NATION**

# New shift plan for nurses



**Saying hello:**  
Dzulkefly (second from right) and  
Nanta (fifth from left) greeting health  
workers during the Hospital Seri  
Iskandar project  
handover ceremony.  
— Bernama

## Dzulkefly: 45-hour work week will allow for flexible days off

By ANNABELLE LAWRENCE  
annabelle@thestar.com.my

**SERI ISKANDAR:** The adjustment of working hours to 45 hours a week for nurses from Dec 1 will not disrupt their work-life balance or impact their welfare, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said this adjustment is in line with the General Order Chapter G (SSPA), which involves reducing the current 48-hour mandate by one hour.

The shift schedules at hospitals are currently around 42 hours per week, which is not compliant.

"Implementing the 45-hour work week with flexibility would mean working four to six days a week, with one to three days off a week," he said.

The working hours will not exceed 12 hours a day.

Additionally, a one-hour break is provided. This has been carefully considered and we are also

taking into account the importance of proper rest.

"The welfare and work-life balance will be given due attention," he said at the handover ceremony of the Hospital Seri Iskandar project and the Hospital Seri Manjung additional block here yesterday.

On Wednesday, Hartal Doktor Kontrak criticized the new directive, which requires an additional three working hours per week for ward nurses.

Meanwhile, Dzulkefly said the 24-hour emergency services at the Tanjung Malim Health Clinic will not continue due to conflicting policies and the facility's capabilities.

"The emergency services provided at the clinic are only meant for hospitals with the necessary facilities and manpower."

"According to guidelines, health clinics fall under public health services, which are not meant to handle emergencies, but are

instead under the purview of hospitals," he said.

He said the Tanjung Malim Health Clinic will continue its normal operations from 8am to 5pm, and patients needing care after 5pm will be advised to contact the clinic for non-emergency issues like stomach aches or fever.

On Nov 18, Perak exco member A. Sivanesan said the issue had been brought to the Health Ministry. The closure of the clinic's 24-hour services since Aug 1 had caused inconvenience to local residents, who had to travel approximately 30km to the Slim River Hospital for emergency care after 5pm.

On another matter, Dzulkefly said the RM153.18mil Hospital Seri Iskandar will begin operations on Dec 11 following its completion on Oct 28 since work began on Jan 29, 2021.

"For the operation of this hospital, 516 new positions have

been approved, including 22 medical officer posts, 97 assistant medical officers, 137 nurses and 260 positions for other service schemes," he said at the event, which was also attended by Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Dzulkefly added that Hospital Seri Iskandar will continue the role of Hospital Changkat Melintang as a non-lead hospital, with specialised services provided by Hospital Seri Manjung, which acts as the lead hospital.

Hospital Changkat Melintang will continue to operate as a step-down ward and is currently being evaluated for its potential to become a haemodialysis centre.

On the completion of the additional block at Hospital Seri Manjung at a cost of RM75mil on Aug 27, he said the block is scheduled to begin operations on Jan 13, 2025. The additional block has 48 additional beds, four surgery halls and a psychiatric ward.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATION

6 Nation

## E-cigs, vapes offer zero benefits, says expert

By N. TRISHA  
trishang@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The best way to ensure public health is by completely banning all e-cigarette or vaping products as they offer no benefit to the population, said Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira.

The Malaysian Medical Association (MMA) president raised his concerns about the serious health implications caused by vaping.

"It is evident from the facts and figures that vaping offers no benefit, both in terms of health and costs for healthcare.

"The association seconds the Sultan of Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah's suggestion that the use of e-cigarettes or vapes be completely banned in the country.

"We urge the government to give due consideration to this suggestion put forward by His Royal Highness as we are equally concerned," he said in an MMA statement yesterday.

He shared that vaping could lead to serious health issues such as breathing problems, severe lung disease and other organ damage.

"Vaping, directly and indirectly, can lead to addiction to drugs and other harmful substances.

"Vaping is an issue that must be dealt in an urgent manner before it causes irreversible damage to health.

"The increasing vape usage by youth in the country is particularly troubling and needs to be nipped in the bud," he said.

Dr Kalwinder pointed out that as of 2020, as many as 2,807 people had been hospitalised with

"It was reported recently that the Malaysian government has to fork out more than RM150,000 to treat each individual suffering from EVALI."

Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira

EVALI (e-cigarette or vaping product use-associated lung injury) as reported by the Centers for Disease Control and Prevention of the United States.

In Malaysia, a total of 41 EVALI cases were reported between 2019 and Sept 30 this year.

"It was reported recently that the Malaysian government has to fork out more than RM150,000 to treat each individual suffering from EVALI.

"The Health Ministry has stated that the treatment cost for EVALI is projected to rise to RM369mil annually by 2030 if no control measures are taken against the use of e-cigarettes.

"We are of the view that the best control measure would be a total ban on all e-cigarette or vaping products," he said.

In a *Sinar Harian* report earlier this week, Sultan Abdullah expressed concern over the increasing drug abuse in Pahang, especially among the youth, based on statistics from the National Anti-Drugs Agency.

Sultan Abdullah made these remarks during the 2024 Pahang State Maahad Tahfiz Excellence Award Ceremony in Kuantan on Monday, where he said the path to drug addiction for youth, both directly and indirectly, starts with vaping.

**AKHBAR : THE STAR****MUKA SURAT : 6****RUANGAN : NATION**

## Sabah to monitor workplace pressure, bullying in hospitals

By DURIE RAINER FONG  
[newsdesk@thestar.com.my](mailto:newsdesk@thestar.com.my)

**KOTA KINABALU:** Sabah's health authorities will be closely monitoring the work environment in hospitals and healthcare facilities across the state following the tragic death of a specialist doctor in Lahad Datu.

State Community Development and People's Well-being Assistant Minister Datuk Flovia Ng announced that the Sabah Health Department (JKNS) would focus on identifying issues related to workplace pressure and bullying among healthcare staff.

"Initiatives to improve work pressure management and support the mental well-being of staff will also be strengthened," she said in reply to Alias Sani (Parti Warisan-Sekong) during question time at the state assembly sitting yesterday.

Alias had inquired about the state government's steps to address the matter, which had garnered widespread attention on social media.

Dr Tay Tien Yaa, a pathology specialist at Lahad Datu Hospital, was found dead in her rental unit on Aug 29.

She had been the head of the hospital's Chemical Pathology Unit and lived alone.

On Oct 1, Dr Tay's brother, Tay Yong Shen, revealed that the family had discovered troubling evidence in her WhatsApp messages related to her workload and the treatment she received at work.

Flovia stated that the JKNS had conducted an internal investigation into the incident and the findings had been submitted to the Health Ministry.

In addition, she said the Health Ministry formed a special independent task force on Oct 10, chaired by former Public Service Department director-general Tan Sri Borhan Dollah, to investigate the case further.

"This task force has been given three months to deliver its findings," she added.

Alias also raised a supplementary question about whether Flovia's ministry was collaborating with other state or federal agencies to produce Sabahan doctors.

He pointed out that the shortage contributes to high levels of work pressure among doctors.

"For example, I received information that there are 16 doctors serving in Pitas district, which has a population of 36,000," Alias said, adding that residents from the interior Sugut and Paitan areas also sought medical care there.

Flovia agreed with Alias' concern, saying that the state government is keen to ensure that local medical graduates remain in Sabah to help address the healthcare gap.

"However, this is an uphill task if left to our ministry alone. Universities in Sabah could also help in this matter," she added.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Dalam Negeri

# Tambahan waktu bekerja jururawat munasabah

Oleh SHAMSUL  
KAMAL AMARUDIN  
utusannews@mediamula.com.my

**PARIT:** Kementerian Kesihatan (KKM) menyifatkan arahan baharu tambahan waktu bekerja tiga jam seminggu bagi jururawat di wad hospital di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) adalah wajar dan munasabah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, bagaimanapun berkata, pihaknya sedia mempertimbangkan rayuan berhubung isu tersebut yang melibatkan kebijakan jururawat.

"Sebenarnya, kita sudah mempertimbang kebijakan kakitangan KKM sebaiknya, (kebijakan) sudah diambil kira dan bagi waktu rehat secukupnya," jelasnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis penyerahan projek Hospital Seri Iskandar (HSI) dan blok baharu Hospital Seri Manjung (HSM) oleh Kementerian Kerja Raya kepada KKM di His dekat sini, semalam.

Beliau mengulas kebimbangan pelbagai pihak berhubung arahan baharu di bawah SSPA yang memerlukan jururawat di wad hospital bekerja tambahan tiga jam seminggu, iaitu dari 42 jam ketika ini kepada 45 jam mulai 1 Disember ini.

Sebuah portal berita memetik kenyataan Senator R.A. Lingeshwaran yang juga bekas Pengarah Hospital Sungai Bakap, Pulau Pinang bahawa bekerja 45 jam seminggu adalah lebih sesuai untuk penjawat



**DZULKEFLY AHMAD** (tiga dari kiri) dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (empat dari kiri) meninjau kemudahan di Hospital Seri Iskandar sempena majlis penyerahan projek hospital itu oleh Kementerian Kerja Raya kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dekat Parit, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

awam di pejabat yang bekerja lima hari seminggu dari pukul 8 pagi hingga 5 petang dengan cuti hujung minggu.

Menurutnya, walaupun jururawat perlu bekerja 45 jam seminggu mulai 1 Disember ini berbanding 42 jam sebelum ini, waktu bekerja mengikut

syif yang lebih fleksibel dapat memastikan kebijakan mereka lebih terjaga.

Jelas beliau, waktu bekerja jururawat ditetapkan antara empat hingga enam hari seminggu dengan tempoh bekerja sehari tidak kurang lapan jam dan tidak melebihi 12 jam.

Dalam perkembangan lain, Dzulkefly memberitahu, keputusan menukar waktu operasi Klinik Kesihatan Tanjung Malim daripada 24 jam kepada lapan jam sehari bertujuan mengembalikan semula fungsi sebagai klinik di bawah kesihatan awam.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NASIONAL**

Nasional

Jumaat, 22 November 2024 BH

# Tambah jam kerja jururawat dianggap masih munasabah

Syif fleksibel, cuti rehat hingga 3 hari seminggu lebih jamin kebajikan kakitangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Muhamad Lokman Khairi  
bhnews@bh.com.my

**Seri Iskandar:** Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menyifatkan arahan baharu di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang memerlukan jururawat di wad hospital bekerja tambahan tiga jam seminggu, mulai 1 Disember ini, sebagai munasabah.

Beliau berkata, walaupun jururawat perlu bekerja 45 jam seminggu berbanding 42 jam sebelum ini, kebajikan barisan hadapan kesihatan itu akan lebih terjaga menerusi waktu bekerja syif yang lebih fleksibel.

"Sebenarnya (jururawat ditekankan) bekerja empat hingga enam hari seminggu di mana tempoh bekerja sehari mesti tidak kurang daripada lapan jam dan tidak lebih daripada 12 jam.

"Dalam pada itu, kita beri satu jam dikatakan tempoh rehat dalam waktu bekerja, sementara satuhingga tiga hari cuti seminggu.

"Saya kira sangat munasabah dan berwajaran," katanya selepas meninjau Projek Hospital Seri Iskandar, semalam.

Beliau mengulas keimbangan diluahkan beberapa pihak termasuk



Dr Dzulkefly bersama Alexander di ruang wad perubatan lelaki ketika meninjau Projek Hospital Seri Iskandar, semalam. (Foto BERNAMA)

suk Kesatuan Jururawat Malaysia yang menyifatkan tidak adil membandingkan jururawat yang bekerja secara syif, termasuk tugas malam, dengan pekerja pejabat yang hanya bekerja pada hari biasa.

Turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Pengurus Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A Sivanesan.

**Prihatin kebajikan Jururawat**  
Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) prihatin terhadap kebajikan jururawat dan sedia menambah baik arahan waktu bekerja dari semasa ke semasa.

"Kita akan perbaiki dan tambah baik arahan ini kerana kepentingan, kemastahatan, keseimbangan kerja-kehidupan adalah sangat penting terutama kepada kakitangan kesihatan.

"Kalau ada apa (isu berhangkit), kita sedia pertimbangkan untuk menjaga kebajikan jururawat kami di KKM, kita ambil perhatian semua, insya-Allah," katanya.

Hartal Doktor Kontrak membantah sekeras-kerasnya arahan baharu berkenaan dengan menyifatkan keputusan itu bukan sahaja tidak adil, malah berisiko memburukkan lagi keadaan dihadapi kakitangan kejururawatan yang menjadi tulang belakang sistem penjagaan kesihatan negara.

"Jururawat kita mempunyai banyak kerja, kurang dihargai dan sudah menjangkau had mereka malah sering mengorbankan kesejahteraan fizikal, emosi dan mental mereka untuk menjaga pesakit."

"Dasar ini menambahkan lagi tekanan dan keletihan mereka dan bukan meringankan beban mereka. Waktu bekerja tambahan ditambah dengan gaji yang tidak stabil dan kekurangan eluan yang mencukupi," kata Hartal menerusi kenyataan.

Hartal menjelaskan, keadaan itu akan mendorong lebih ramai jururawat mahir mencari pekerjaan di luar negara, di mana keadaan bekerja lebih berperikemanusiaan dan gaji lebih kompetitif.

**AKHBAR : SINAR HARIAN****MUKA SURAT : 1****RUANGAN : MUKA DEPAN**

# BANTAH TAMBAHAN 3 JAM WAKTU KERJA MISI

■ Hartal Doktor Kontrak menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam menyemak semula keputusan mewajibkan tambahan tiga jam waktu bekerja seminggu untuk jururawat di wad hospital mulai 1 Disember ini kerana dasar baharu itu menambahkan lagi tekanan serta keletihan mereka, bukan meringankan beban jururawat.

■ Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menjelaskan, tambahan waktu bekerja itu munasabah kerana ia dilaksanakan menerusi waktu bekerja syif yang lebih fleksibel walaupun waktu kerja berubah kepada 45 jam seminggu berbanding 42 jam sebelum ini.

**MUKA 3**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NASIONAL

# Bantah tambahan kerja 3 jam jururawat

Hartal Doktor Kontrak gesa kerajaan semak semula arahan baharu SSPA

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) digesa menyemak semula keputusan mewajibkan tambahan tiga jam waktu bekerja seminggu untuk jururawat wad mulai 1 Disember ini.

Kumpulan Hartal Doktor Kontrak (HDK) dalam satu kenyataan berkata, arahan baharu di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) itu bukan sahaja tidak adil malah berisiko memburukkan lagi keadaan dihadapi kakitangan kejururawatan yang menjadi tulang belakang sistem penjagaan kesihatan negara.

"Jururawat kita mempunyai banyak kerja, kurang dihargai dan sudah menjangkau had mereka, malah sering mengorbankan kesejahteraan fizikal, emosi dan mental untuk menjaga pesakit."

"Dasar ini menambahkan lagi tekanan serta keletihan mereka

dan bukan meringankan beban mereka.

"Waktu bekerja tambahan, ditambah dengan gaji yang tidak stabil dan kekurangan elauan yang mencukupi akan mendorong lebih ramai jururawat mahir mencari pekerjaan di luar negara kerana lebih berperikemanusiaan dan gaji lebih kompetitif," katanya.

Sebelum ini, keputusan menambah jumlah waktu bekerja itu dilapor melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkenaan SSPA.

Pekeliling tersebut menyatakan jumlah jam waktu bekerja bukan pejabat ditambah baik dengan menyamakan dengan jumlah jam waktu bekerja pejabat iaitu 45 jam seminggu berbanding 42 jam sekarang termasuk waktu rehat.

HDK berkata, perkara itu dibimbangi akan menjelaskan kualiti penjagaan dengan kekurangan jururawat untuk menguruskan jumlah pesakit yang meningkat.

"Sistem penjagaan kesihatan yang mengabaikan pekerjaan tidak dapat berkhidmat dengan berkesan kepada rakyat."

"Keyakinan orang ramai terhadap sistem penjagaan kesihatan akan goyah jika perkhidmatan penting terjejas akibat kekurangan tenaga kerja," ujarnya.

Dalam pada itu, HDK menganggap arahan itu



*Dasar ini menambahkan lagi tekanan serta keletihan mereka dan bukan meringankan beban mereka. Waktu bekerja tambahan, ditambah dengan gaji yang tidak stabil dan kekurangan elauan yang mencukupi akan mendorong lebih ramai jururawat mahir mencari pekerjaan di luar negara."*

merupakan satu langkah ke belakang kerana gagal menangani isu asas yang dihadapi oleh tenaga kerja kejururawatan.

"Ia merangkumi elauan syif yang tidak mencukupi, kekurangan keseimbangan kerja dan kehidupan serta kesan fizikal dan emosi yang besar akibat bekerja syif," katanya lagi.

Sebelum ini, Senator RA Lingeshwaran yang juga bekas Pengarah Hospital Sungai Bakap di Pulau Pinang berkata, tambahan masa bekerja itu akan memberi kesan buruk kepada kualiti kehidupan petugas kesihatan.

Presiden Kesatuan Jururawat Malaya, Saaidah Athman pula berkata, kebanyakan jururawat adalah wanita yang berkeluarga, dan menambah waktu bekerja akan menyebabkan lebih banyak tekanan.



**AKHBAR : SINAR HARIAN****MUKA SURAT : 3****RUANGAN : NASIONAL****sinaran**

## Penyelarasan waktu kerja syif jururawat munasabah - Dr Dzulkefly

**PARIT** - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menyifatkan tambahan waktu bekerja jururawat selama tiga jam di wad hospital di bawah arahan baharu SSPA sebagai munasabah kerana kebajikan mereka lebih terjaga.

Menurutnya, arahan baharu itu melibatkan waktu bekerja syif yang lebih fleksibel walaupun waktu kerja berubah kepada 45 jam seminggu berbanding 42 jam sebelum ini.

Beliau berkata, tempoh bekerja selama 45 jam seminggu ditetapkan melalui sistem itu secara dasarnya berkang sebanyak satu jam berbanding 46 jam seminggu di bawah Perintah Am Bab G.

"Sebenarnya (jururawat) bekerja empat hingga enam hari seminggu di mana tempoh bekerja sehari mestilah tidak kurang daripada lapan jam dan tidak lebih daripada 12 jam.

Dalam pada itu, sehingga itu kita beri satu jam dikatakan

tempoh rehat dalam waktu bekerja, satu hingga tiga hari rehat seminggu. Saya kira sangat munasabah," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Projek Hospital Seri Iskandar dan Blok Tambahan Hospital Seri Manjung di Hospital Seri Iskandar di sini pada Khamis.

Hadir sama Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Dzulkefly bagaimanapun berkata, pihaknya sedia menambah baik pelaksanaan waktu kerja tersebut.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, keputusan menamatkan operasi kecemasan 24 jam Klinik Kesihatan Tanjung Malim pada 1 Ogos lalu kekal walaupun menimbulkan tungutan penduduk.

Iri kerana ketanya, tema kecemasan hanya boleh diperuntukkan kepada hospital yang memiliki kelengkapan fasiliti serta tenaga kerja.



Dr Dzulkefly (dua dari kanan) dan Alexander (lima dari kiri) beramai-ramai bersama petugas kesihatan ketika hadir pada Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Hospital Seri Iskandar pada Khamis.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL

**TAMBAHAN 3 JAM KERJA SEMINGGU UNTUK JURURAWAT****Hartal Doktor Kontrak bantah arahan**

**Kuala Lumpur:** Hartal Doktor Kontrak membandah arahan baharu di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang mewajibkan tambahan tiga jam bekerja seminggu untuk jururawat wad mulai 1 Disember depan.

Menurutnya, keputusan itu bukan sahaja tidak adil, malah berisiko untuk memburukkan lagi keadaan yang dihadapi kakitangan kejururawatan yang menjadi tulang belakang sistem penjagaan kesihatan negara.

"Jururawat kita mempunyai banyak kerja, kurang dihargai dan sudah menjangkau had mereka, malah sering mengorbankan kesejahteraan fizikal, emosi dan mental mereka untuk menjaga pesakit."

"Dasar ini menambahkan lagi tekanan dan kelelahan mereka,"



**“Dasar ini menambahkan lagi tekanan dan kelelahan mereka**  
**Hartal**

SSPA mewajibkan tambahan tiga jam bekerja seminggu untuk jururawat wad mulai 1 Disember ini.

yang tidak stabil dan kekurangan eluan yang mencukupi," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Hartal menjelaskan, keadaan itu mendorong lebih ramai jururawat mahir ki-

ta mencari pekerjaan di luar negara, di mana keadaan bekerja lebih berperikemanusiaan dan gaji lebih kompetitif.

"Dengan jumlah jururawat yang kurang untuk menguruskan beban pesakit yang semakin meningkat, kualiti penjagaan pasti

akan menurun, sekali gus meletakkan pesakit dan orang ramai kepada risiko."

"Sistem penjagaan kesihatan yang mengabaikan pekerjanya tidak dapat berkhidmat dengan berkesan kepada rakyatnya," kata-

"Waktu bekerja tambahan, ditambah dengan gaji

**AKHBAR : HARIAN METRO****MUKA SURAT : 17****RUANGAN : LOKAL**

Dua hotel di Melaka diserbu JKN minggu lalu

# Dapur berkerak, bersepah najis tikus

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

**MELAKA** – Dua hotel di negeri ini diarahkan untuk menutup bahagian dapur masing-masing selepas dikesan kotor dengan keadaan tempat memasak berkerak dan mempunyai najis tikus dalam serbuan dilakukan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) negeri, minggu lalu.

Pengarah JKN Melaka, Dr. Ruzita Mustaffa berkata, operasi itu telah dijalankan oleh penguasa Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bersama Unit Inspektorat dan Perundungan melibatkan 41 buah hotel diperiksa pada 11 dan 12 November lalu.

Katanya, operasi berkenaan dilakukan di bawah Akta Makanan 1983, advokasi Akta Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) dan kebersihan persekitaran hotel di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSPP 1975).

"JKN telah melakukan serbuan dan hasilnya dua buah hotel telah diarahkan menutup bahagian dapur masakan selama 14 hari di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 kerana terlalu kotor dengan penemuan najis tikus serta lipas.

"Manakala bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 se-



**KEADAAN** dapur sebuah hotel yang berkerak di sebuah hotel ketika serbuan di Ipoh minggu lalu.

banyak 33 kompaun kesalahan telah dikeluarkan dengan nilai RM11,475," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini, semalam.

Tambah Dr. Ruzita, selain pemantauan keselamatan ma-

kanan, JKN Melaka juga telah melaksanakan pemeriksaan kebersihan persekitaran premis dengan enam buah hotel dikesan mempunyai tempat pembiakan jentik-jentik.